



MESYUARAT

AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN

KALI KELIMA

KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
KATA ALUAN PENERUSI	3-4
MAKLUMAT KORPORAT	5-19
NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN	20-26
AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN	27-28
MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN YANG TERDAHULU DAN MANA-MANA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KHAS YANG BERSELANG;	29-40
MEMBENTANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN;	41-55
MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, TERMASUK LAPORAN LEMBAGA DI BAWAH PERENGGAN 59(1)(C) AKTA DAN LAPORAN JURUAUDIT, DAN PENGAGIHAN UNTUNG BERSIH TERAUDIT, JIKA ADA;	56-84
MELANTIK ANGGOTA LEMBAGA;	85-86
MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN YANG BERIKUTNYA;	87-95
MEMBENTANGKAN SUATU LAPORAN BERKENAAN DENGAN PENERIMAAN DEPOSIT DARIPADA ANGGOTA DAN PINJAMAN DARIPADA ANGGOTA DAN BUKAN ANGGOTA;	96-97
MELULUSKAN ELAUN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN SARAAN YANG AKAN DIBAYAR KEPADA MANA-MANA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH SUBSIDIARI KOPERASI, JIKA ADA;	98-100
MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TIDAK KURANG DARIPADA DUA ORANG JURUAUDIT, YANG MERUPAKAN JURUAUDIT YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA ATAU PEGAWAI SURUHANJAYA, UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOPERASI;	101-102
MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PENUBUHAN SUBSIDIARI, JIKA ADA;	103--104
MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG LEBIHAN KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 54 AKTA;	105-106
MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PELUPUSAN HARTA TAK ALIH DAN EKUITI DALAM SUBSIDIARI;	107-108
MENIMBANG DAN MELULUSKAN SURAT CARA SKIM SIMPANAN, DEPOSIT ATAU PINJAMAN, JIKA ADA;	109-110
MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI;	111-112
MELANTIK JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM PERWAKILAN DAN EMPAT ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN, JIKA ADA;	113-114
MENGISYTIHAR ATAU MENGELUARKAN SYER BONUS, JIKA ADA;	115-116
MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU HAL URUSAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI SEBELUM MESYUARAT DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI;	117-118
MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI;	119-122
MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG DIBAWA OLEH MANA-MANA ANGGOTA KOPERASI YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA, YANG BAGINYA SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI INI;DAN	123-124
MENIMBANG DAN MELULUSKAN MANA-MANA LAPORAN YANG DIKEHENDAKI SUPAYA DIKEMUKAKAN MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN, JIKA ADA.	125-126
AKTIVITI KOPERASI SEPANJANG 2025 DAN BULETIN 2025	127-171



KATA ALUAN

**PENGERUSI
KOPERASI**

KATA-KATA ALUAN Pengerusi

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Anggota Koperasi yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. ahli keluarga serta para sahabat Baginda. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran semua anggota ke Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Kelima Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana Koperasi kita Berjaya menempuh tahun 2025 dengan penuh kejayaan. Sekalaung tahniah diucapkan kepada KOHIJRAH atas kejayaan meraihkan tempat ke-9 bagi Anugerah Koperasi Terbaik Negeri Selangor. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) khususnya cawangan Selangor atas khidmat nasihat dan bimbingan yang berterusan dalam memperkukuh urus tadbir Koperasi.

Tidak dilupakan, penghargaan tulus Ikhlas buat Anggota Lembaga Koperasi (ALK) serta semua kakitangan pengurusan yang sentiasa membantu dalam pelbagai urusan dan aktiviti Koperasi. Kejayaan yang dikecapi ini Adalah hasil usaha gigih serta komitmen tinggi antara pihak pengurusan KOHIJRAH dan Kerjasama erat daripada semua anggota.

Alhamdulillah, hubungan baik KOHIJRAH dengan EXCO Negeri Selangor juga terus terjalin erat, dengan sokongan yang kukuh terhadap pelbagai inisiatif Koperasi. Pada tahun ini, KOHIJRAH telah mengembangkan operasi dengan membuka beberapa cawangan Baharu seperti Pusat Lelongan Agro Selangor, Kohijrah Honey Farm, Kohijrah Ginger Farm, Kohijrah Carwash dan beberapa projek lain yang sedang giat dijalankan. Setiap cawangan ini diwujudkan bagi memperkukuhkan jaringan ekonomi koperasi dan menyediakan lebih banyak peluang keusahawanan kepada anggota.

Melalui pembangunan cawangan-cawangan ini, kita bukan Sahaja berusaha memperkukuh sektor pertanian dan penternakan, tetapi juga memperluaskan penglibatan dalam bidang agro pelancongan, pemprosesan hasil tani serta aktiviti pemasaran tempatan. Langkah ini membuktikan kesungguhan KOHIJRAH untuk menjadi sebuah koperasi moden yang mampan, dinamik dan berdaya saing tinggi. Dengan izin Allah, usaha berterusan ini bakal menjadi pemangkin kepada peningkatan pendapatan anggota serta kesejahteraan komuniti setempat.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua anggota dan berbincanglah dengan hati yang terbuka. Moga-moga kita semua mendapat petunjuk serta rahmat dari yang Maha Esa dalam memimpin Koperasi kita agar jadi yang terbaik dan terpuji.

Sekian, terima kasih.

“BERSATU MEMACU KEMAJUAN”



EN. ZAKARIA BIN ZAINAL

Pengerusi

Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad



MAKLUMAT KORPORAT

PENUBUHAN KOHIJRAH

Koperasi warga hijrah selangor berhad atau dikenali sebagai KOHIJRAH telah didaftarkan pada 25 Ogos 2015 di bawah Subseksyen 7(4) dan 5(5) Akta Koperasi. Pada 11 April 2016, KOHIJRAH menerima Sijil Perakuan Penubuhan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan nombor pendaftaran B-5-1728.

Penubuhan KOHIJRAH lahir daripada Hasrat untuk memelihara Kebajikan serta memberi manfaat kepada para usahawan Hijrah dan seluruh warga Yayasan Hijrah Selangor. Sejak penubuhannya, KOHIJRAH komited untuk menjadi platform sokongan, Kebajikan dan Pembangunan ekonomi yang mampan, khususnya bagi komuniti Hijrah di Negeri Selangor.

Kawasan operasi KOHIJRAH meliputi seluruh Negeri Selangor manakala pejabat urusan beroperasi di Wisma KOHIJRAH, No 52-1 Jalan Sungai Rasau E32/E, Berjaya Park Seksyen 32, 40460 Shah Alam, Selangor.

VISI



Menjadi koperasi yang berpotensi membangunkan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan anggota serta memacu kemajuan koperasi.

MISI



Sentiasa proaktif untuk mempelbagaikan aktiviti koperasi dalam pengembangan perniagaan melalui Kerjasama perpaduan, profesionalisme untuk meningkatkan sosio ekonomi anggota.

MOTO



“Bersatu Memacu Kemajuan “

MAKLUMAT **KORPORAT**

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

PENGERUSI

Encik Zakaria bin Zainal

SETIAUSAHA

Encik Mohamad Nazri bin Suladin

BENDAHARI

Encik Mohd Hafizi Bin Jamaludin

ANGGOTA LEMBAGA

Encik Sahrul Amin Bin Amat Kamari

Encik Mior Amin Bin Badalishah

Puan Noreen binti Anuar

Encik Mohd Zulhelmi bin Nor Halim

Encik Shaharuddin bin Yacob

Puan Suzana Binti Omar

JAWATANKUASA AUDIT DALAM

Encik Arif Fadzilah Bin Mohd Hasnan

Encik Muhammad Amir Asyraf bin Mohd Yusof

JURUAUDIT LUAR

Azmi Jaafar & CO

BANK

Affin

Agro

Coop bank

PEJABAT BERDAFTAR / IBU PEJABAT

Wisma KOHIJRAH , No 52-1 Jalan Sungai Rasau E32/E, Seksyen 32, 40460 Shah Alam, Selangor.

Tarikh Pendaftaran: 25 Ogos 2015

No Pendaftaran: B-5-1728

Tel: 03-5525 1109

Faks: 03-5525 1109

Facebook: Kohijrah Selangor

Email: kohijrahselangor@gmail.com

KUMPULAN PENGURUSAN

Pengurus Besar

Dato Dr Mohammad Syukri Bin Ismail

Timbalan Pengurus

Puan Siti Nor Szillah Bt Jusoh @ Shamsuddin

Eksekutif Kanan

- 1) Nur Fitriah Hani Binti Md Zamri
- 2) Nurul Farhana Binti Hisammuddin
- 3) Ahmad Khairul Khair Bin Mohd Yusri
- 4) Mohamad Zulzikri Bin Mohd Maksom
- 5) Sheikh Osman bin Sheikh


Pegawai Pentadbiran

- 1) Nurin Izzaty Binti Johari

Penyelia

- 1) Nor Mazzuin bt Abdul Wahid
- 2) Siti Noorfariha binti Setapa

OUTLET KOHIJRAH SELANGOR





ANUGERAH KOPERASI

**ANUGERAH KOPERASI TERBAIK NEGERI
SELANGOR 2022**



**ANUGERAH KOPERASI TERBAIK NEGERI
SELANGOR 2024**



KOPERASI DIIKTIRAF TEMPAT KE-72 DALAM
SENARAI 100 KOPERASI TERBAIK MALAYSIA
2025





**SENARAI AHLI LEMBAGA,
PENGURUSAN KOHIJRAH
DAN JAWATANKUASA
AUDIT DALAM**

ANGGOTA **LEMBAGA**



ENCIK ZAKARIA BIN ZAINAL
PENGERUSI



ENCIK MOHD HAFIZI BIN JAMALUDIN
BENDAHARI



ENCIK MOHAMAD NAZRI BIN SULADIN
SETIAUSAHA

ANGGOTA **LEMBAGA**



PUAN NOREEN BINTI ANUAR
PEN.SETIAUSAHA



ENCIK MOHD ZULHELMI BIN NOR HALIM
AHLI LEMBAGA



ENCIK SAHRUL AMIN BIN AMAT KAMARI
AHLI LEMBAGA



ENCIK MIOR AMIN BIN BADALISHAH
AHLI LEMBAGA



PUAN SUZANA BINTI OMAR
AHLI LEMBAGA



ENCIK SHAHARUDDIN BIN YACOB
AHLI LEMBAGA

JAWATANKUASA AUDIT **DALAM**



ENCIK MUHAMMAD AMIR ASYRAF VIN MOHD YUSOF
JURU AUDIT DALAMAN



ENCIK ARIF FADZILAH BIN MOHD HASNAN
JURU AUDIT DALAMAN

PENGURUSAN



DATO DR MOHAMMAD SYUKRI BIN ISMAIL
PENGURUS BESAR



PUAN SITI NOR SZILLAH
BINTI JUSOH @ SHAMSUDDIN
TIMBALAN PENGURUS





NOTIS MESYUARAT



KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD (KOHIJRAH)

Nombor Pendaftaran : B-5-1728

**WISMA KOHIJRAH SELANGOR,
52-1 JALAN SUNGAI RASAU E32/E,
BERJAYA PARK SEKSYEN 32,
40460 SHAH ALAM, SELANGOR**

TEL : 03-55251109

EMAIL : kohijrahselangor@gmail.com

Rujukan Kami : KOHIJRAH/100-01/02 (20)
Tarikh : 04hb. Disember 2025

**AHLI LEMBAGA KOHIJRAH
JURUAUDIT DALAM KOHIJRAH
SEMUA PERWAKILAN MAPT KE 5**

Tuan/Puan,

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KELIMA SECARA ATAS TALIAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH) akan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Kelima pada ketetapan berikut:

Tarikh : 20 Disember 2025
Masa : 10.00 pagi
**Tempat Penyiaran : Wisma KOHIJRAH,
52-1 Jalan Sungai Rasau E 32/E,
Berjaya Park, Seksyen 32,
40460 Shah Alam,
Selangor.**
Kaedah : Zoom Meeting / Atas Talian (Pautan akan diberikan)

3. **PENDAFTARAN MESYUARAT** akan dibuka secara dalam talian bermula jam 09.00 pagi, 19 Disember 2025 (Jumaat) sehingga jam 10.00 pagi, 20 Disember 2025 (Sabtu). Berikut adalah panduan pengguna (user guide) untuk mendaftar dan menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Kelima secara atas talian iaitu sebagaimana berikut;

A) TATACARA PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG SECARA DALAM TALIAN

- Sesi taklimat / RAPTAI / rakaman panduan menyertai mesyuarat akan dibekalkan kemudian.
- Manual panduan pendaftaran MAPT Kali Kelima (Versi Digital PDF) boleh diakses di <http://www.kohijrah.kopmalaysia.com/manual.pdf>.
- Anggota mestilah bersiap sedia dengan perkakasan dan talian internet yang bersesuaian untuk membolehkan akses ke mesyuarat melalui aplikasi ZOOM Meeting.



KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD (KOHIJRAH)

Nombor Pendaftaran : B-5-1728

WISMA KOHIJRAH SELANGOR,
52-1 JALAN SUNGAI RASAU E32/E,
BERJAYA PARK SEKSYEN 32,
40460 SHAH ALAM, SELANGOR

TEL : 03-55251109

EMAIL : kohijrahselangor@gmail.com

- iv. Manual panduan pendaftaran MAPT Kali Kelima dalam bentuk digital (PDF) akan diedarkan melalui whatsapp group atau telegram KOHIJRAH.
- v. Pendaftaran kehadiran anggota hanya akan diambil kira menerusi platform e-AGM yang diguna pakai secara rasmi seperti berikut;

a) Layari laman web : <https://agmexpert.com/agm/>

atau;

b) Imbas QR CODE :



- vi. Hanya anggota koperasi yang berstatus Aktif sahaja diperbolehkan mendaftar di dalam platform e-AGM. Sila ingati **KOD MESYUARAT** yang telah ditetapkan iaitu : **kohijrah**
- vii. Pautan ZOOM Meeting untuk menyertai mesyuarat secara online hanya akan aktif selepas tuan/puan berjaya mendaftar kehadiran di platform e-AGM **AGMeXPert**.
- viii. Semua anggota perlu **download & install** aplikasi **ZOOM MEETING** melalui **Google Play Store** (pengguna android) dan **Apple Store** (pengguna iphone) di smartphone masing-masing untuk menyertai sesi mesyuarat dalam talian nanti.

B) SESI SOAL JAWAB SEMASA MESYUARAT BERLANGSUNG

- i. Bagi sebarang soalan yang berkaitan agenda, anggota boleh mengemukakan secara lisan dengan menekan 'reaction' 'Raised Hand' dalam aplikasi ZOOM Meeting. Pengerusi Mesyuarat akan memberi kebenaran bercakap setelah pengawal aplikasi memberi laluan dan mengisytiharkan nama.
- ii. Soalan hendaklah jelas dan hanya menjurus kepada agenda yang berkenaan sahaja.
- iii. Pertanyaan di ruangan 'Chat Box' hanya dibuka untuk pertanyaan teknikal. Sebarang komen yang tidak berkaitan, mempunyai unsur-unsur tidak sihat adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- iv. Pengerusi Mesyuarat mempunyai kuasa mengawal sesi soal jawab semasa MAPT berlangsung.
- v. Untuk makluman tuan/puan, MAPT ini layak dihadiri oleh semua anggota perwakilan koperasi dan ia tertakluk di bawah Seksyen 30 Akta Koperasi 1993 (Akta 502) dan peraturan-peraturan menyatakan tiada wakil yang boleh mendaftar dan mengundi bagi pihak anggota.



KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD (KOHIJRAH)

Nombor Pendaftaran : B-5-1728

WISMA KOHIJRAH SELANGOR,
52-1 JALAN SUNGAI RASAU E32/E,
BERJAYA PARK SEKSYEN 32,
40460 SHAH ALAM, SELANGOR

TEL : 03-55251109

EMAIL : kohijrahselangor@gmail.com

4. Dimaklumkan bahawa proses pemilihan Anggota Lembaga bagi tempoh perkhidmatan 2025/2026 akan diadakan pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan berkenaan. Anggota Lembaga yang tamat perkhidmatan pada Mesyuarat Agung Perwakilan akan datang adalah seperti berikut;

1. **Encik Mohamad Nazri bin Suladin**
2. **Encik Mohd Zulhelmi bin Nor Halim**
3. **Puan Noreen binti Anuar**
4. **Encik Sahrul Amin bin Amat Kamari**

5. Setiap anggota yang hadir Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan akan diberikan **elaun kehadiran** sebanyak **RM100**. Anggota KOHIJRAH boleh membuat tuntutan bayaran dengan memberikan no. akaun bank untuk tujuan pembayaran elaun kehadiran. Sila hubungi pejabat koperasi di talian **03-5525 1109** atau whatsapp wakil KOHIJRAH di talian **014-389 7874**. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen seperti berikut:

- i. **Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan**
- ii. **Borang Pencalonan Anggota Lembaga Koperasi 2025/2026**
- iii. **Buku Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Kelima (Buku bercetak tidak akan dibekalkan lagi)**

Kehadiran tuan/puan dalam menjayakan mesyuarat ini amatlah kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“BERSATU MEMACU KEMAJUAN”

Yang menjalankan tugas,

MOHAMAD NAZRI BIN SULADIN

Setiausaha

Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad

s.k : Pengarah

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Selangor



BORANG PENCALONAN AHLI LEMBAGA KOPERASI 2025/2026

Saya
dengan ini bersetuju untuk menawarkan diri bertanding bagi jawatan
ANGGOTA LEMBAGA Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad bagi
tempoh 2025/2026.

Letakkan Gambar
Berwarna Ukuran
Pasport

Tandatangan Calon :
Nama :
No. K/P :
No. Anggota : (Di isi oleh KOHIJRAH)
No. H/P :
Alamat Emel :
Cawangan :

Tandatangan Pencadang :
Nama :
No. K/P :
No. Anggota : (Di isi oleh KOHIJRAH)
No. H/P :
Alamat Emel :
Cawangan :

Tandatangan Penyokong :
Nama :
No. K/P :
No. Anggota : (Di isi oleh KOHIJRAH)
No. H/P :
Alamat Emel :
Cawangan :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Borang diterima pada : Tandatangan Penerima
diterima / ditolak atas sebab sebab

PENTING

1. Pengesahan kelayakan akan dilakukan oleh pihak Koperasi dan akan dimaklumkan kepada calon setelah penerimaan borang pencalonan. (Sila hubungi koperasi di talian 03-5525 1109 atau Whatsapp ke talian 014-389 7874 jika tidak menerima pengesahan dalam tempoh 3 hari selepas tarikh tutup pencalonan)
2. Semua borang pencalonan hendaklah di emel di kohijrahselangor@gmail.com
3. Sila pastikan borang diisi dengan lengkap dan mematuhi Undang-Undang Kecil Koperasi bagi mengelakkan pencalonan ditolak.
4. Pencadang dan Penyokong mestilah anggota yang sah dan bertugas di kawasan yang sama dengan calon.
5. Calon Pencadang dan Penyokong hendaklah anggota yang aktif dan tidak mempunyai tunggakan yuran dan pembiayaan dengan koperasi.

**BORANG PENCALONAN HENDAKLAH DIHANTAR SEBELUM ATAU PADA 17hb
DISEMBER 2025**



KAEDAH KEMASKINI MAKLUMAT PERIBADI TERKINI ANGGOTA

Kemaskini maklumat boleh dibuat secara online dengan melayari laman web <https://app.ikoop.com.my/kohijrah/index.php>

KAEDAH KEMASKINI MAKLUMAT SECARA ONLINE

BIL	KAEDAH	CATATAN
1	LAYARI IKOOP : SISTEM KEWANGAN KOPERASI → LOG MASUK	ikoop.com.my
2	PILIH KOPERASI – KOHIJRAH (seterusnya)	
3	KILIK → SILA DAFTAR SECARA "ONLINE" DI SINI	
4	MASUKKAN NO KP DAN TEKAN SEMAK	
5	LULUS DAN MENDAPAT NO ID.	
6	LOG MASUK → ID PENGGUNA DAN KATA LALUAN ADALAH NO KP	
7	KEMASKINI MAKLUMAT DAN TUKAR KATA LALUAN	

«<PERTANYAAN»>»

Email kepada kohijrahselangor@gmail.com atau sila hubungi KOHIJRAH di talian 03-5525 1109 atau whatsapp ke talian 014-389 7874 untuk sebarang pertanyaan.



AGENDA MESYUARAT

AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN

- a) Mengesahkan minit mesyuarat agung perwakilan tahunan yang terdahulu dan mana-mana mesyuarat agung perwakilan khas yang berselang;
- b) Membentangkan laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
- c) Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi dan subsidiarinya, jika ada, termasuk laporan Lembaga di bawah perenggan 59(1)(c) Akta dan laporan juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit, jika ada;
- d) Melantik anggota Lembaga;
- e) Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan yang berikutnya;
- f) Membentangkan suatu laporan berkenaan dengan penerimaan deposit daripada anggota dan pinjaman daripada anggota dan bukan anggota;
- g) Meluluskan elaun yang akan diberikan kepada anggota Lembaga dan saraan yang akan dibayar kepada mana-mana anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah subsidiari Koperasi, jika ada;
- h) Meluluskan pelantikan satu panel yang tidak kurang daripada dua orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau pegawai Suruhanjaya, untuk mengaudit akaun Koperasi;
- i) Menimbang dan meluluskan cadangan penubuhan subsidiari, jika ada;
- j) Menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan daripada wang lebihan Koperasi mengikut seksyen 54 Akta;
- k) Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pelupusan harta tak alih dan ekuiti dalam subsidiari;
- l) Menimbang dan meluluskan surat cara skim simpanan, deposit atau pinjaman, jika ada;
- m) Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- n) Melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam perwakilan dan empat anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit mesyuarat agung perwakilan tahunan, jika ada;
- o) Mengisytihar atau mengeluarkan syer bonus, jika ada;
- p) Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada Koperasi;
- q) Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-undang Kecil Koperasi;
- r) Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang dibawa oleh mana-mana anggota Koperasi yang terkilan dengan keputusan Lembaga, yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat agung perwakilan dipanggil telah diberikan kepada koperasi ini; dan
- s) Menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut peraturan-peraturan, jika ada.

AGENDA 1

**MENGESAHKAN MINIT
MESYUARAT AGUNG
PERWAKILAN TAHUNAN
YANG TERDAHULU DAN
MANA-MANA MESYUARAT
AGUNG PERWAKILAN
KHAS YANG BERSELANG**

MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KE-4 KOPERASI WARGA HIJRAH SELANGOR BERHAD

Tarikh : 23 NOVEMBER 2024
Masa : 11.00 AM
Tempat : ZOOM MEETING
Kehadiran : 84 ORANG

AGENDA Pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung

1.1 Pemilihan Pengerusi

Pengerusi Koperasi Encik Shahrudin Bin Yacob (No. Anggota S000056) memaklumkan jumlah kehadiran adalah seramai 84 orang dan bilangan ini memenuhi kehendak kuorum mesyuarat.

Beliau memaklumkan mengikut undang-undang kecil, Pengerusi Mesyuarat hendaklah dipilih dari kalangan anggota. Oleh itu, beliau membuka pencalonan kepada anggota-anggota untuk memilih Pengerusi Mesyuarat.

Cadangan : En Mohd Hafizi Bin Jamaludin (No. Anggota S0000076)
Disokong oleh En Muhammad Amir Asyraf Bin Mohd Yusof (No. Anggota S0000168)

Mesyuarat sebulat suara memilih Encik En. Mohd Hafizudin Bin Mohd Anuar (No. Anggota S0000143) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-4.

1.2 Pencatat Minit

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan kepada mesyuarat bahawa

	No. Anggota
(i) Pn Aimaan Mahirah Binti Mofah (BSU 1)	(S0000218)
(ii) Pn Nurul Shahida Bt Sagir (BSU 2)	(S0000081)

Atas cadangan En Muhammad Amir Asyraf Bin Mohd Yusof	(S0000168)
Dan disokong oleh En Muhammad Khairi Bin Johari	(S0000209)

**AGENDA 1 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KEEMPAT
(Rujuk Mukasurat 27-28 di Buku Laporan Tahunan 2023/2024)**

No. Anggota

Dicadangkan oleh: En. Muhammad Khairi Bin Johari (S0000209)

Disokong oleh: En Mohd Ridhwan Bin Asmara (S0000135)

tanpa pindaan.

**AGENDA 2 MEMBENTANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 MAC 2024.
(Rujuk Mukasurat 40-53 di Buku Laporan Tahunan 2023/2024)**

Agenda ini dibentangkan oleh En Mohd Hafizi Bin Jamaludin (S0000076) selaku bendahari Kohijrah.

No. Anggota

Dicadangkan oleh : Pn Noreen binti Anuar (S0000198)

Disokong oleh : En Muhammad Khairi Bin Johari (S0000209)

**AGENDA 3 MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN
SUBSIDIARINYA JIKA ADA, TERMASUK LAPORAN LEMBAGA DI BAWAH
PERENGGAN 59(1)(C) AKTA DAN LAPORAN JURUAUDIT DAN PENGAGIHAN
UNTUNG BERSIH TERAUDIT JIKA ADA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31
MAC 2024
(Rujuk Mukasurat 56-79 di Buku Laporan Tahunan 2023 /2024)**

No.

Anggota

Dicadangkan oleh : En Azmil Syukri Bin Hasan (S0000044)

Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali (P0007262)

AGENDA 4 MELANTIK ANGGOTA LEMBAGA

5.1 Kohijrah perlu menggugurkan seramai (5) anggota Lembaga yang terdiri daripada dua (3) kakitangan dan dua (2) usahawan.

Keputusan : Anggota dikehendaki memilih dan melantik Anggota Lembaga yang gugur pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Keempat.

Bil	Nama	No Anggota	Status
1	En Mohamad Nazri Bin Suladin	S0000161	DIGUGURKAN

2	En Mohd Zulhelmi Bin Nor Halim	S0000162	DIGUGURKAN
3	Pn Noreen Binti Anuar	S0000198	DIGUGURKAN
4	En Mior Amin Bin Badalishah	P0003975	DIGUGURKAN
5	Pn Fadzilah Binti Abdul Majid	P0000921	DIGUGURKAN

5.2 Calon Ahli Lembaga Koperasi Bertanding

Bil	Nama	No Anggota	Cawangan	Jawatan	Keputusan Undian
1	En Mohamad Nazri Bin Suladin	S0000161	IBU PEJABAT	Eksekutif Telecollector	Menang 58 undi
2.	Pn Noreen Binti Anuar	S0000198	Gombak	Pegawai Hijrah	Menang 57 undi
3.	En Mohd Zulhelmi Bin Nor Halim	S0000162	Klang	Pengurus Cawangan	Menang 60 undi
4.	En Mohd Farizzakirin Bin Mohd Nordin	S0000023	Ibu Pejabat	Eksekutif Multimedia dan Penerbitan	34 undian
5.	En Mohd Nata Bin Muhamad	S0000217	Ibu Pejabat	Ketua Teknologi Maklumat	31 undian
6.	Pn Suzana Binti Omar	P0007029	Selayang	Usahawan	Menang 46 undian
7.	Siti Nur Jannah Bt Shamsuddin	P0007030	Selayang	Penolong Pengurus	37 undian
8.	Pn Fadzillah Bt Abdul Majid	P0000921	Sepang	Ahli Lembaga	37 undian
9.	En Mior Amin Bin Badalishah	P0003975	Puchong	Usahawan	Menang 40 undian

Bilangan Perwakilan Hadir	84 Orang
Bilangan Perwakilan Mengundi	80 Orang
Bilangan Perwakilan Tidak Mengundi	4 Orang
Peratusan Perwakilan Yang Mengundi	95.2%

Mesyuarat memaklumkan bahawa (3) orang calon kakitangan dan (2) orang calon usahawan bertanding yang mendapat undian tertinggi dipilih semula sebagai Ahli Lembaga Koperasi.

Dicadangkan oleh : En Mohd Hafizi Bin Jamaludin
Disokong oleh : Pn Suzita Binti Sallehin

No. Anggota
(S00000076)
(S0000184)

AGENDA 5 MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN YANG BERIKUTNYA

Rujuk mukasurat 84-91 di Buku Laporan Tahunan 2024/2025 yang mencatatkan jumlah sasaran pendapatan sebanyak RM5,243,098.00 manakala jumlah perbelanjaan sebanyak RM2,549,840.00.

No. Anggota:

Dicadangkan oleh: En Muhammad Khairi Bin Johari (S0000209)

Disokong oleh: En Mohd Zulhelmi Bin Nor Halim (S0000162)

AGENDA 6 MEMBENTANGKAN SUATU LAPORAN BERKENAAN DENGAN PENERIMAAN DEPOSIT DARIPADA ANGGOTA DAN PINJAMAN DARIPADA ANGGOTA DAN BUKAN ANGGOTA.

7.1 Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan laporan berkenaan dengan pinjaman daripada anggota untuk makluman anggota – anggota sekalian.

Laporan Pinjaman KOHIJRAH MOTOR

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	TAHUN MULA	2021
2	JUMLAH PERUNTUKKAN	RM 300,000.00
3	JUMLAH GUNA MODAL	RM 306,270.00
4	BAKI PERUNTUKKAN	RM -
5	BIL PENERIMA	24
6	BIL SELESAI PENUH BAYARAN	9
7	NILAI PINJAMAN	RM 335,956.50
8	JUMLAH KUTIPAN	RM 77,665.00
9	BAKI PINJAMAN	RM 258,291.50

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Mohd Ridhwan Bin Asmara (S0000135)

Disokong oleh : En. Zakaria bin Zainal (P0001574)

AGENDA 7 MELULUSKAN ELAUN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN SARAAN YANG AKAN DIBAYAR KEPADA MANA-MANA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH SUBSIDIARI KOPERASI, JIKA ADA

7.1 Mesyuarat membuat perbentangan bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan mesyuarat agung mengenai kadar elaun-elaun bagi anggota lembaga dan jawatankuasa audit dalaman.

Bil	Jenis Elaun	Ahli Lembaga	Jawatankuasa Audit Dalaman
		Kadar Bayaran	Kadar Bayaran
1	Elaun Bulanan	a) RM500 (3 Jawatan Tertinggi) b) RM300 (Jawatan biasa)	Tiada bayaran
2	Elaun Kehadiran Mesyuarat	RM100	RM100
3	Elaun Telefon	RM50	Tiada
4	Elaun semasa Kursus	RM 100	Tiada
5	Elaun Perjalanan Kenderaan	0.85/KM	0.85/KM
6	Elaun Penginapan	Dengan resit (Tidak lebih RM300) tanpa resit (Tidak lebih RM200)	Tiada

7.2 Kertas ini dibentangkan bagi mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung mengenai kelulusan bayaran honorarium kepada Anggota Lembaga yang berkhidmat dalam tahun 2024/2025.

Peruntukkan bayaran honorarium ini diambil dari baki keuntungan tahun semasa berakhir 31 Mac 2024 seperti keterangan berikut :-

Bil	Tahun	Jumlah Keuntungan Terkumpul	Jumlah Honorarium	Peratus	Bilangan ALK
1	2024	RM592,499.75	RM 100,000	16.87	9

Mesyuarat Agung adalah dipohon memberi kebenaran kepada Lembaga untuk kelulusan bayaran honorarium seperti keterangan di atas.

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Muhammad Khairi Bin Johari
Disokong oleh : En Mohd Rosli bin Dollah

(S0000209)
(S0000097)

AGENDA 8 MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL YANG TIDAK KURANG DARIPADA DUA ORANG JURUAUDIT, YANG MERUPAKAN JURUAUDIT YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA ATAU PEGAWAI SURUHANJAYA, UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOPERASI

8.1 Juruaudit luar sebagaimana yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ketiga bersetuju agar Juruaudit Luar dilantik dan dipilih oleh Mesyuarat Lembaga. Sehubungan itu, Tetuan Azmi Jaafar & Co. telah dilantik sebagai Juruaudit Luar KOHIJRAH bagi tempoh laporan ini.

Mesyuarat Agung adalah dipohon bagi memberi kebenaran kepada Ahli Lembaga Kohijrah membuat pemilihan yang sewajarnya.

No. Anggota

Dicadangkan oleh : Pn NorNadia Binti Sukindar
Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali

(S0000027)
(P0007262)

AGENDA 9 MENIMBANG DAN MELULUSKAN CADANGAN PENUBUHAN SUBSIDIARI, JIKA ADA.

Tiada

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Azmil Syukri Bin Hasan
Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali

(S0000044)
(P0007262)

AGENDA 10 MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG LEBIHAN KOPERASI MENGIKUT SEKSYEN 54 AKTA

Mesyuarat dipohon untuk meluluskan kuasa kepada Ahli Lembaga Kohijrah mengenai had pelaburan sejumlah RM100 Juta menurut Undang-Undang Kecil 68(2)

Keputusan: Mesyuarat Agung adalah dipohon untuk meluluskan had pelaburan di atas serta memberi kuasa kepada Lembaga untuk membuat pelaburan berkenaan.

No. Anggota

Dicadangkan oleh : Pn Noreen Binti Anuar
Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali

(S0000198)
(P0007262)

AGENDA 11 MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA – APA CADANGAN PELUPUSAN HARTA TAK ALIH DAN EKUITI DALAM SUBSIDIARI

Tiada

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Mohd Hafizi Bin Jamaludin

(S00000076)

Disokong oleh : En Muhammad Khairi Bin Johari

(S0000209)

AGENDA 12 MENIMBANG DAN MELULUSKAN SURAT CARA SKIM SIMPANAN, DEPOSIT ATAU PINJAMAN

Tiada

No. Anggota

Dicadangkan oleh : Pn Fatin Syafiqah Binti Abdul Manap

(S00000057)

Disokong oleh : En Mohd Rosli Bin Dollah

(S00000097)

AGENDA 13 MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

Ahli Mesyuarat Agung dimohon untuk memberi kuasa kepada Lembaga KOHIJRAH mengenai had maksimum keterhutangan koperasi sejumlah RM100 Juta.

Mesyuarat Agung juga diminta untuk memberi kebenaran kepada Lembaga untuk mendapatkan pinjaman tambahan tidak melebihi RM100 Juta sekiranya perlu daripada mana – mana institusi kewangan berdaftar.

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Mohd Zulhelmi Bin Nor Halim

(S0000162)

Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali

(P0007262)

AGENDA 14 MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ANGGOTA LEMBAGA UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KALI KEEMPAT

6 ORANG ANGGOTA

BIL	NAMA	NO ANGGOTA
1	NURUL HAFIZAH BINTI MOHD HASHIM	S0000045
2	MOHD FARIZZAKIRIN BIN MOHD NORDIN	S0000223
3	NOR ZANA BT MAHMOD	S0000029
4	MOHD RIDHWAN BIN ASMARA	S0000135
5	NOR AMALINA BT NAWI	S0000054
6	MOHAMMAD SYUHAIMI BIN MD NOH	S0000066

4 ORANG ANGGOTA LEMBAGA

BIL	NAMA	NO ANGGOTA
1	EN SHAHARUDDIN BIN YACOB	S0000056
2	EN MOHD HAFIZI BIN JAMALUDIN	S0000076
3	EN SAHRULAMIN BIN AMAT KAMARI	S0000095
4	EN ZAKARIA BIN ZAINAL	P0001574

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Mohd Hafizi Bin Jamaludin (S0000076)
 Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali (P0007262)

AGENDA 15 MENGISYTIHARKAN ATAU MENGELUARKAN SYER BONUS, JIKA ADA

Anggota Lembaga dengan sukacitanya mengistiharkan akan mengeluarkan syer bonus dividen atau sekadar 10% dibayar kepada anggota koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2024. Cadangan ini dibentangkan untuk kelulusan Mesyuarat Agung.

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Mohamad Nazri Bin Suladin (S0000161)
 Disokong oleh : En Muhammad Khairi Bin Johari (S0000209)

AGENDA 16 MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU HAL URUSAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI SEBELUM MESYUARAT DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI

Bil	USUL	PENCADANG
1	Pembukaan keanggotaan kepada usahawan yang daftar bersama SSM dan tidak tertakluk pada YHS sahaja.	En Mohd Hafizi Bin Jamaludin (S0000076)
2	Kohijrah menceburi bidang pertanian secara meluas.	En Mohd Hafizi Bin Jamaludin (S0000076)
3	Cadangan perluasan pemiagaan Kohijrah ke arah perikanan (membina dan memajukan jeti ikan Kohijrah)	En Shahrudin Bin Yacob (S0000056)
4	Kebajikan mewujudkan "Program Jualan di Outlet dengan Harga Ahli" dapat membantu meringankan beban hidup anggota.	En Sahrulamin Bin Amat Kamari (S0000095)

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Shahrulamin bin Amat Kamari (S0000095)
 Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali (P0007262)

AGENDA 17 MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA – APA CADANGAN DAN PINDAAN KEPADA UNDANG- UNDANG KECIL KOPERASI

Mesyuarat memutuskan bahawa kelayakan menjadi anggota adalah :-

- a) Kakitangan Hijrah Selangor
- b) Usahawan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- c) Kakitangan Kohijrah Selangor

No. Anggota

Dicadangkan oleh : Pn Sharifah Fadilah Binti Syed Salim	(S0000022)
Disokong oleh : Pn Noreen Binti Anuar	(S0000198)

AGENDA 18 MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN YANG DIBAWA OLEH MANA-MANA ANGGOTA KOPERASI YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN LEMBAGA, YANG BAGINYA SUATU NOTIS YANG TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI SEBELUM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI INI

Tiada

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Azmil Syukri Bin Hasan	(S0000044)
Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali	(P0007262)

AGENDA 19 MENIMBANG DAN MELULUSKAN MANA-MANA LAPORAN YANG DIKEHENDAKI SUPAYA DIKEMUKAKAN MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN, JIKA ADA

Tiada

No. Anggota

Dicadangkan oleh : En Zakaria bin Zainal	(P0001574)
Disokong oleh : En Mohd Azizuddin Bin Sazali	(P0007262)

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari dengan ucapan terima kasih oleh Pengerusi Mesyuarat kepada semua yang hadir.

Pencatat Minit 1

Nama : Cik Aimaan Mahirah Binti Moflah

No Anggota : S0000218

Tandatangan :



Pencatat Minit 2

Nama : Puan Nurul Shahida binti Sagir

No Anggota : S0000081

Tandatangan :




Disahkan Oleh

Nama : Mohamad Nazri Bin Suladin


No Anggota : S0000161

Tandatangan :



Mohamad Nazri Bin Suladin

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOHJRAH Kali Ke-4 telah pun dibentangkan dan disepak oleh Jawatankuasa Menentusah Deraf Minit Mesyuarat Agung KOHJRAH Kali Ke-4 pada 23 November 2024 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.




Nor Amalina Nawi
Anggota Jawatankuasa
(S0000054)



Mohd Farizzakirin Mohd Nordin
Anggota Jawatankuasa
(S0000223)



Nurul Hafizah Mohd Hashim
Anggota Jawatankuasa
(S0000045)




Norzana Mahmod
Anggota Jawatankuasa
(S0000029)



Mohd Ridwan Asmara
Anggota Jawatankuasa
(S0000135)



Mohammad Syuhaimi Md Noh
Anggota Jawatankuasa
(S0000066)



Shaharuddin Yacob
Anggota Lembaga
(S0000056)



Mohd Hafizi Jamaludin
Anggota Lembaga
(S0000076)



Sahrulamin Amat Kamari
Anggota Lembaga
(S0000095)



Zakaria Zainal
Anggota Lembaga
(P0001574)

AGENDA 2

**MEMBENTANGKAN
LAPORAN LEMBAGA DAN
JAWATANKUASA AUDIT
DALAMAN**

MEMBENTANGKAN LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Anggota lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Lembaga KOHIJRAH bagi tahun 2024/2025 untuk makluman anggota-anggota sekalian.

LAPORAN KEANGGOTAAN

* Berikut adalah jadual taburan anggota sehingga 31 Mac 2025

KUMPULAN ANGGOTA	BILANGAN KEMASUKAN ANGGOTA		
	JUMLAH ANGGOTA	ANGGOTA TARIK DIRI	JUMLAH KINI
1/4/2016 -31/3/2018	10,079	398	9,681
2019	1039	56	10,664
2020	4	36	10,632
2021	4	98	10,538
2022	15	357	10,196
2023	5	41	10,160
2024	215	48	10,327
2025	265	249	10,343
	11,626	1283	10,343

B. Berikut adalah pecahan kumpulan anggota yang mewakili kakitangan dan usahawan.

KUMPULAN ANGGOTA	TABURAN		
	BILANGAN ANGGOTA	TARIK DIRI	PERATUS %
KAKITANGAN	187	25	2%
USAHAWAN	10,156	894	98%
JUMLAH	10,343	919	

c. Berikut adalah pecahan kumpulan anggota mengikut jantina.

KUMPULAN ANGGOTA	PECAHAN JANTINA	
	LELAKI	PEREMPUAN
JUMLAH ANGGOTA	3,103	7,240



• PROJEK JUALAN KENDERAAN SAJI DAN KENDERAAN DAGANGAN

KOHIJRAH menjalankan projek jualan pembekalan dan menjual kenderaan saji dan kenderaan dagangan dengan menawarkan harga mampu beli kepada ahli dan orang awam yang berminat. Jualan Food truck yang ditawarkan oleh KOHIJRAH bermula dengan harga serendah dari RM26,500 termasuk insuran kenderaan, cukai jalan, pendaftaran PUSPAKOM, dan permit kenderaan.

Pembekalan kedua-dua jenis kenderaan ini dilaksanakan secara kaedah pembelian atau pembiayaan secara tunai. Pinjaman melalui bank-bank terpilih seperti maybank, BSN, Public Bank, Agro Bank. Tempoh bayaran antara tiga (3) tahun hingga Tujuh (7) tahun.

BIL	(A) KENDERAAN SAJI TERJUAL	TAHUN 2025	
		BIL	RM
1	MOBILE FOOD CART	0	-
2	MINI FOOD TRUCK	1	57,000.00
3	HIGH FOOD TRUCK	0	-
4	HIJET PICKUP	0	-
KESELURUHAN BIL DAN RM TERJUAL		1	57,000.00

PROJEK PEMBEKALAN

KOHIJRAH giat melaksanakan pelbagai **projek pembekalan barangan dan perkhidmatan** yang melibatkan sektor **usahawan, pertanian, peralatan, mesin, serta pelbagai keperluan lain** yang memberi impak langsung kepada kesejahteraan anggota dan komuniti usahawan setempat.

Melalui pelaksanaan projek-projek ini, KOHIJRAH bukan sahaja menyediakan peluang ekonomi kepada ahli koperasi, malah turut menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan daya saing usahawan tempatan dalam pelbagai bidang.

BIL	JENIS PROJEK PEMBEKALAN	PENDAPATAN KASAR (RM)
1	PEMBEKALAN F&B	3,748,219.00
2	PEMBEKALAN FOOD TRUCK	57,000.00
3	PEMBEKALAN PEMENTASAN DAN LAIN-LAIN	1,536,381.35
4	PEMBEKALAN BARANGAN TANI	336,696.00
5	PEMBEKALAN GAJET	988,450.00
6	PEMBEKALAN DUMS	2,335,289.81
7	PEMBEKALAN PERALATAN	26,672.00
8	PEMBEKALAN ISEED & BLUEPRINT	3,284,546.00
9	PEMBEKALAN LEMBU	511,593.00
10	PEMBEKALAN KOHIJRAH TRAVEL	2,032,506.80

LAPORAN PROJEK RAKAN NIAGA DAN PELABURAN KOHIJRAH

Sepanjang tahun 2025, KOHIJRAH telah melaksanakan beberapa projek strategik melalui **inisiatif rakan niaga dan pelaburan** bagi memperkukuh kedudukan ekonomi serta memperluas sumber pendapatan koperasi. Projek-projek ini dijalankan melalui usahasama dengan pelbagai pihak swasta dan agensi berkaitan, merangkumi sektor pelancongan, pertanian, pembangunan hartanah, dan perkhidmatan komuniti.

Secara keseluruhannya, projek-projek ini telah memberi impak positif kepada pembangunan ekonomi setempat dan memperkukuh jaringan kerjasama antara koperasi dan rakan niaga luar.

LAPORAN PROJEK RAKAN NIAGA KOHIJRAH DAN PELABURAN KOHIJRAH					
TAHUN 2025					
BIL	PROJEK / KEGIATAN	KETERANGAN PROJEK	TARIKH MULA PROJEK	JUMLAH PEMBIAYAAN / PELABURAN (RM)	BAKI PEMBIAYAAN
1	LADANG ALAM WARISAN	PROJEK USAHASAMA MEMBANGUNKAN RESORT BERKONSEP EKO - PELANCONGAN	06/03/2018	250,000.00	114,682.78
2	SYARIFAH KOHIJRAH HALL	PROJEK USAHASAMA BERSAMA SYARIFAH EVENTS BERTUJUAN UNTUK MEMASTIKAN KOHIJRAH MEMILIK SEBUAH TEMPAT YANG LUAS UNTUK DIADAKAN PROGRAM ATAU AKTIVITI KEPADA ANGGOTA KOPERASI DI SELURUH MALAYSIA	09/07/2020	350,000.00	178,766.66
3	LAMAN NIAGA KOHIJRAH	MEMBAIK PULIH BAGI PEMBUKAAN LAMAN NIAGA KOHIJRAH YANG MEMILIKI 32 GERAI / KIOSK UNTUK DISEWAKAN KEPADA USAHAWAN YANG TERLETAK DI SEKSYEN 15, SHAH ALAM	25/02/2022	339,941.94	
4	PUSAT LELONGAN AGRO SELANGOR	MEMBAIK PULIH BAGI PEMBUKAAN PUSAT LELONGAN AGRO SELANGOR MERUPAKAN PASAR BASAH YANG DIOPERASIKAN OLEH KOHIJRAH	11/06/2024	217,738.10	
5	KOHIJRAH HONEY FARM	PUSAT AGRO PELANCONGAN DI KHF KALUMPANG	23/11/2024	75,595.00	

LAPORAN PEMBIAYAAN MOTOSIKAL KEPADA ANGGOTA

Sejak pelancaran pada **31 Mei 2021**, projek **KOHIJRAH Motor** telah berjaya memberikan kemudahan pembiayaan motosikal kepada seramai **40 orang anggota**. Jumlah kutipan caj atau pendapatan terkumpul bagi tempoh **2021 hingga 2025** adalah sebanyak **RM20,196.00**.

Inisiatif ini bukan sahaja membantu meningkatkan mobiliti dan kecekapan kerja anggota, malah turut memperkukuh peranan KOHIJRAH dalam menyediakan kemudahan kewangan dalaman yang berdaya saing, selaras dengan objektif koperasi untuk mempertingkatkan kebajikan serta kesejahteraan anggota.

TAHUN 2025				
BIL	PROJEK / KEGIATAN	KETERANGAN PROJEK	TARIKH MULA PROJEK	KUTIPAN CAJ / PENDAPATAN (RM)
1	KOHIJRAH MOTOR	PEMBELIAN PEMBEKALAN MOTOR BAGI PEMBIAYAAN MOTOSIKAL ANGGOTA	31 MEI 2021	20,196.00

**LAPORAN
JAWATANKUASA
AUDIT DALAM
BERAKHIR**

31 MAC 2025



LAPORAN AUDIT DALAMAN KOHIJRAH SELANGOR BERHAD

KOPERASI : KOHIJRAH SELANGOR BERHAD
TARIKH AUDIT : 19, 20 & 25 OGOS 2025

JURU AUDIT : EN ARIF FADZILAH BIN MOHD HASNAN
EN MUHAMMAD AMIR ASYRAF BIN MOHD YUSOF

KEPADA

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. EN ZAKARIA BIN ZAINAL | : PENERUSI KOHIJRAH |
| 2. EN MOHD HAFIZI BIN JAMALUDIN | : BENDAHARI KOHIJRAH |
| 3. EN MOHAMAD NAZRI BIN SULADIN | : SETIAUSAHA KOHIJRAH |
| 4. SEMUA AHLI LEMBAGA KOPERASI KOHIJRAH | |
| 5. PENGURUS BESAR KOHIJRAH | : DATO DR MOHAMAD SYUKRI BIN ISMAIL |

SULIT & PERSENDIRIAN
AUDIT DALAMAN

LAPORAN AUDIT KOHIJRAH 2025

PROFIL CAWANGAN

Koperasi	: Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KOHIJRAH)
Alamat Cawangan	: 52-1 Jalan Sungai Rasau E32/E,Berjaya Park Seksyen 32, 40460 Shah Alam,Selangor
Masa Beroperasi	: Isnin-Jumaat/8.30am-5.30pm
Tarikh Audit	1st Audit-19 Ogos 2025 2nd Audit-20 Ogos 2025 3th Audit-25 Ogos 2025

PROFIL STAFF

No	Nama Staff	Jawatan
1	Mohamad Syukri Bin Ismail	Pengurus Besar
2	Siti Nor Szillah Binti Jusoh @ Shamsuddin	Pengurus
3	Nurul Farhana Binti Hisammudin	Eksekutif Pentadbiran & Korporat
4	Nur Fitriah Hani Binti Md Zamri	Eksekutif Kanan Pemborongan & Pembangunan Produk
5	Ahmad Khairul Khair Bin Mohd Yusri	Eksekutif Kanan Logistik & Pergudangan
6	Mohamad Zulzikri Bin Mohd Maksom	Eksekutif Kanan Perkhidmatan & Pemasaran
7	Sheikh Osman Bin Sheikh Zahari	Eksekutif Pertanian
8	Mohd Kamal Bin Aziz	Eksekutif Pertanian
9	Zolkefli Bin Jomri	Eksekutif Pertanian
10	Nurin Izzaty Binti Johari	Pegawai Pentadbiran
11	Siti Noorfariha Binti Setapa	Penyelia Kohijrah Mart
12	Nor Mazzuin Bt Abdul Wahid	Penyelia Plas
13	Muhammad Ikhwanul Halimi Bin Md Derus	Pemandu Lori

Laporan Audit Kohijrah Selangor 19,20 & 25 Ogos 2025

Muka Surat 2 Dan 13

LAPORAN AUDIT KOHIJRAH 2025

14	Aidil Haqimi Bin Rosmadi	Pembantu Operasi
15	Muhammad Fawzan Bin Adzuan Hafiz	Pembantu Operasi
16	Haziq Danial Bin Haierolnizam	Pembantu Operasi
17	Wan Muhammad Afiq Bin Wan Hassan	Pembantu Perkhidamtan & Pemasaran
18	Aminudin Bin Muhammad	Pembantu Kedai
19	Muhammad Adam Bin Aminudin	Pembantu Kedai
20	Ahmad Farhan Bin Azlan	Pembantu Kedai
21	Nur Fatihah Awatif Binti Jusoh @ Shamsuddin	Pembantu Kedai
22	Nurul Aina Syafiqah Binti Ahmad Arfaei	Pembantu Kedai
23	Muhamad Asrol Bin Muhamad Nazaruddin	Pembantu Kedai
24	Siti Faezah Binti Mohamad Jaafar	Pembantu Kedai
25	Nur Syahirah Binti Bakry	Pembantu Kedai
26	Mohammad Syuhaimi Bin Md Noh	Pembantu Kedai
27	Syasya Nabila Zuhayra Binti Rushdi	Pelajar Praktikal

Laporan Audit Kohijrah Selangor 19,20 & 25 Ogos 2025

Muka Surat 3 Dan 13

LAPORAN AUDIT KOHIJRAH 2025

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Audit Dalamani ini disediakan sebagai maklumbalas semakan audit ke atas Koperasi Kohijrah Selangor Berhad berkaitan Pematuhan Tadbir Urus. Semakan audit telah dimulakan pada 19 Ogos 2025 dan selesai pada 25 Ogos 2024 merangkumi semakan dari April 2024 hingga bulan Mac 2025. Ringkasan proses pengauditan (latar belakang, objektif, skop dan metodologi audit) dan penemuan audit adalah dirumuskan seperti berikut:-

Justifikasi Penilaian adalah seperti berikut:-

- A. Patuh
- B. Pemerhatian
- C. Tidak Patuh (Minor)
- D. Tidak Patuh (Major)

Tujuan Audit Pematuhan bagi tahun April 2024 sehingga Mac 2025 dijalankan adalah untuk menilai tahap pematuhan terhadap Tadbir Urus dan Key Performance Indicator (KPI) diperingkat Kohijrah serta bahagian sokongan yang terlibat dalam menjalankan proses kerja terutamanya dalam menjalankan proses Prosedur penerimaan Invoice dan Prosedur Pindahan tuntutan demi menghasilkan produktiviti yang berkualiti untuk Kohijrah Selangor Berhad disamping melihat peranan unit-unit sokongan yang berkaitan dalam membantu perjalanan Kohijrah.

Bagi mencapai objektif audit, penemuan yang diperolehi akan dikumpul, dilapor dan sebarang cadangan penambahbaikan kepada amalan atau proses yang sedia ada akan dibincangkan dan dipersetujui dengan pihak Pengurusan.

LAPORAN AUDIT KOHIJRAH 2025

Objektif semakan audit adalah:

- i. Memastikan wujudnya pematuhan tadbir urus dan pematuhan SOP bagi setiap proses yang dilaksanakan dalam prosedur invoice prosedur pindahan tuntutan diperingkat Koperasi.
- ii. Memastikan setiap pemegang proses mematuhi tadbir urus SOP yang ditetapkan.
- iii. Menilai tahap pematuhan kepada *Standard Operation Procedur* (SOP), garis panduan, dasar koperasi, undang-undang mahupun arahan/cadangan semasa ALK Kohijrah Selangor Berhad.
- iv. Memastikan semua dokumen yang diwujudkan tersedia dengan lengkap dan tersimpan dengan selamat; dan
- v. Mencadangkan penambahbaikan sistem kawalan dalaman 'jika perlu'.

1. Skop Pertama:

Pengurusan Kewangan, Rekod dan Baucer Pembayaran.

- Menyemak rekod kewangan, dokumen sokongan, laporan kewangan dan semua baucer bayaran beserta rekod penyata.
- Memastikan semua baucer mempunyai dokumen sokongan yang lengkap dan menyemak ketetapan butiran seperti tarikh, jumlah penerima dan rujukan transaksi.
- Memastikan semua rekod adalah tepat, lengkap, serta mematuhi peraturan dan prosedur kewangan yang ditetapkan.

2. Skop Kedua:

Pemantauan dan penilaian Proses Operasi.

- Semakan terhadap prosedur operasi standard (SOP) dan pematuhan polisi Syarikat.

3. Skop Ketiga:

Pengurusan Projek KOHIJRAH

- Menilai status semasa projek-projek yang dilaksanakan di bawah KOHIJRAH dan memastikan penggunaan sumber dan Peruntukan kewangan adalah berkesan serta mematuhi prosedur yang ditetapkan.

LAPORAN AUDIT KOHIJRAH 2025

4. Skop Keempat:

Pengurusan Saham dan Keanggotaan KOHIJRAH

-Menyemak rekod pegangan saham ahli, termasuk jumlah, tarikh, dan transaksi berkaitan, memastikan status keanggotaan adalah tepat dan terkini dan memastikan semua rekod mematuhi peraturan serta prosedur organisasi.

LAPORAN AUDIT KOHIJRAH 2025

No.	Proses	Penemuan Fakta	Maklumbalas (Tanggungjawab & Jangka Tarikh Slap)
